

# Farmasi digempur

KPDNHEP rampas 9 pengimbas suhu tiada label pengeluaran

Oleh Zuliaty Zulkiffi  
 am@hmetro.com.my

**Kubang Pasu**

**S**usulan pendedahan alat pengimbas suhu cap ayam baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggempur farmasi di sekitar daerah ini.

Hasil pemeriksaan dalam operasi bermula jam 12 tengah hari kelmarin, sembilan alat pengimbas suhu digital pelbagai jenama di rampas dari empat farmasi di Jitra dan Kerpan.



Setiap barangan terbahit tiada label pengeluaran yang sah dan kita meragui dari mana ia dikeluarkan”

**Muniandy**

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kubang Pasu, K Muniandy berkata, hasil pemeriksaan mendapati semua barangan terbahit tiada label pengeluaran yang sah termasuk 62 cecair

pembasmi kuman.

Menurutnya, semua barangan dirampas atas kesalahan di bawah Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pekilang, Pengimpot, Pengeluaran atau Penjual Berong) 1980.

“Alat pengimbas suhu dan cecair pembasmi kuman yang berisi 600 milimeter (ml) yang dirampas dianggarkan bernilai RM3,300.

“Setiap barangan terbahit tiada label pengeluaran yang sah dan kita meragui dari mana ia dikeluarkan. Siasatan lanjut akan dijalankan untuk mengenal pasti pem-

bekal semua barangan yang disita ini,” katanya.

Muniandy berkata, jika sabit kesalahan, mereka boleh dituduh di mahkamah dan untuk pertubuhan perbadanan (syarikat) boleh didenda tidak melebihi RM100,000 dan bagi individu, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, beliau menasihatkan pengguna supaya memastikan barangan dibeli ada label pengilang, pengimpot, pengeluaran atau pemborong.

PEMIMBAS SUHU BALAI CAP AYAM

## “TEMBAK” TAPI TAK TEPAT

Sejak Covid-19 merebak dengan pesatnya, penggunaan pengimbas suhu badan digital seperti malhas. Ini membolehkan barisan pembekal makanan, minuman dan ubat, mengawal pihak-pihak di pasaran, untuk memastikan barangan yang dijual adalah selamat. Setiap pas memasok ubat, makanan, minuman, peralatan, dan ubat-ubatan, mesti mempunyai label pengilang, pengimpot, pengeluaran atau pemborong.

Sejak 19 Jun 2020, KPDNHEP telah rampas 62 cecair pembasmi kuman.